

Kajian Bekalan Air Mempengaruhi Emosi dan Sahsia Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB)

Nur Salehah Binti Saadon¹, Siti Rohayu Binti Mohd Khaldi² & Mohd Sanusi bin Mohd Mokhtar³

^{1,2,3}Kolej Komuniti Paya Besar, Kementerian Pendidikan Malaysia

¹nursalehah.saadon@gmail.com

²mktayu3@gmail.com

³m.sanusi05@gmail.com

Abstrak: Keputusan akademik yang baik menjadi penanda aras kepada prestasi Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) pelajar semasa melanjutkan pengajian mereka pada setiap sesi pengajian. Kejayaan pelajar dalam bidang akademik banyak disokong oleh pelbagai faktor sokongan persekitaran yang baik terutamanya fasiliti kolej. Kajian ini bertujuan meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi emosi dan sahsiah pelajar dalam bidang akademik terutamanya kemudahan bekalan air di setiap fasiliti yang menyediakan bekalan air di Kolej Komuniti Paya Besar selain membuat kajian terhadap perkhidmatan yang turut diberikan oleh PAIP Pahang. Tambahan pula, kajian ini dijalankan bagi mendapatkan pandangan responden terhadap tahap kemudahan bekalan dan perkhidmatan air di Kolej Komuniti Paya Besar untuk tujuan mengenal pasti, memastikan dan melakukan penambahbaikan terhadap sistem pembangunan kolej yang sedia ada. Objektif kajian ini dilaksanakan juga adalah untuk mengenalpasti pengaruh bekalan air terhadap emosi serta sahsiah pelajar di Kolej Komuniti Paya Besar. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan instrumen soal selidik di mana skop responden kajian adalah pelajar di Kolej Komuniti Paya Besar. Setelah maklumbalas berkaitan soal selidik diperolehi, data-data ini akan di analisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) versi 21.0. Hasil kajian mendapati antara faktor emosi dan sahsiah pelajar di Kolej Komuniti boleh dipengaruhi dan disokong dengan kemudahan bekalan air yang efisien di samping faktor lain seperti kecekapan menguruskan bekalan air dan kelancaran mengendalikan aduan berkaitan gangguan bekalan air di Kolej Komuniti Paya Besar. Dapatan kajian ini berguna untuk pihak pengurusan kolej dan unit pembangunan kolej mengatur strategi kerja pengendalian fasiliti dan kemudahan kolej dengan lebih terurus serta menyelesaikan masalah ketiadaan air yang semakin meruncing di Kolej Komuniti Paya Besar memandangkan persekitaran kondusif yang menyokong emosi dan sahsiah pelajar selain menjadi batu lonjakan bagi pelajar selesa belajar sekaligus membolehkan pelajar mencapai keputusan yang memberangsangkan dan cemerlang.

Kata kunci: Bekalan Air, Emosi, Sahsia, Pelajar, Kolej Komuniti Paya Besar

1. Pengenalan

Kolej merupakan tempat bagi pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat tertiar selepas menamatkan zaman persekolahan di sekolah menengah. Di peringkat tertiar pelajar masih perlu dibantu dari segi perkembangan emosi dan sahsiah. Keperluan ini meliputi keperluan asas yang penting seperti kemudahan air, elektrik, fasiliti dan sebagainya. Kolej seumpamanya dibina dan diselenggara akan menjadikan persekitaran yang selesa dan kondusif malahan mesti memastikan kemudahan sedia ada dan kelengkapannya sentiasa memenuhi keperluan utama pelajar. Kolej yang stabil, berprestasi tinggi dan diselenggara dengan baik menjadikan kehidupan pelajar terjamin dan berkembang selari dengan kehendak negara melahirkan pelajar kelas pertama dan memiliki keperibadian luhur, berbudi bahasa dan mampu mengadaptasikan

diri secara positif. Kualiti hidup ini pasti boleh dilestarikan melalui pembangunan emosi dan sahsiah terpuji disokong dengan keperluan kemudahan yang lengkap, lebih kompleks dan efisien. Pelajar yang memperolehi kesemua keperluan dan kemudahan yang lestari menjamin kesejahteraan sosial yang berkualiti Shafii, H., Seow Ta Wee & Azlina Mat Yassin (2013). Kesejahteraan sosial yang dirasai oleh pelajar dan keselesaan daripada persekitaran kolej yang kondusif melahirkan pelajar yang progresif waima melonjakkan keperibadian pelajar. Pelajar yang berperibadi mulia dan bersahsiah berhubungkait dengan tingkah laku dan elemen nilai murni dan keperluan emosi. Kecerdasan emosi berkait rapat dengan persekitaran yang menyenangkan Mahir Razali, S. Rostam, K. & Awang (2014). Emosi pelajar yang tenang, positif dan selesa dikaitkan dengan kemudahan dan perkhidmatan air yang teratur, stabil dan mempunyai aliran serta takungan yang mencukupi memandangkan air adalah sumber asli yang sememangnya diakui keperluan asas setiap insan bergelar manusia Ohaka, A. R., Ozorl, P. E., & Ohaka (2013). Kenyataan ini turut disokong oleh Slaper & Hall (2011) yang menyatakan bahawa konsep kelestarian hidup manusia sering dikaitkan dengan persekitaran bangunan dan penekanan tiga dimensi dalam pembangunan sesebuah negara terutamanya pertumbuhan alam sekitar, ekonomi dan sosial. Pembangunan lestari ini mempunyai pemangkin yang melibatkan tiga asas seperti air dan udara (alam sekitar), kehidupan sosial yang harmoni (sosial) dan pertumbuhan ekonomi yang pesat (ekonomi).

2. Kajian Literatur

Daniel Goleman (1995) menyatakan Kualiti Intelek (IQ) menyumbang hanya 20% dari kejayaan kehidupan manusia dan dia juga mempercayai kecerdasan emosi mempunyai pengaruh yang tinggi dalam IQ. Di sekolah, pengalaman dan ekspresi emosi adalah unik kepada setiap guru dan pelajar di mana tidak ada dua orang yang akan berfikir, meluahkan perasaan, berkelakuan dan melakukan perkara dengan cara yang sama. Sekolah ini turut merujuk kepada perkembangan pelajar di peringkat seterusnya di peringkat tertiar pelajar di institut pengajian tinggi termasuklah di Kolej Komuniti, Politeknik dan Universiti. Menurut Grace (2012), kecerdasan emosi dan keupayaan penting untuk berjaya dan hubungan positif yang signifikan wujud antara kecerdasan emosi dan pencapaian akademik di kalangan pelajar. Pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi cenderung untuk menyesuaikan diri secara sosial dan interpersonal dengan masyarakat dan mempunyai pengurusan masa yang lebih baik tetapi pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang rendah mempunyai kecenderungan terlibat dalam perilaku yang berbahaya (Pau, et al., 2004). Berdasarkan penemuan oleh Ghosh dan Gill (2003), pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi akan lebih yakin, pelajar yang cepat, berkelakuan baik, ceria dan dapat menangani emosi mereka sendiri. Kecerdasan emosi pelajar di sekolah mahupun di institut pengajian tinggi perlulah seiring dengan pembangunan dan persekitaran yang disediakan untuk pelajar. Kemudahan ini bagi merealisasikan hasrat untuk melahirkan pelajar yang bakal bersahsiah dan boleh menguruskan emosi dengan baik. Sesungguhnya, peranan ini harusnya dibangunkan bersama kecekapan pengurusan sumber yang disediakan kepada pelajar terutamanya kemudahan asas seperti air, elektrik dan sebagainya.

Kepentingan air tidak dinafikan kepada tubuh badan malah memberikan banyak kebaikan dan keistimewaan. Dari sudut pandangan biologi, air mempunyai ciri-ciri yang berbeza yang penting untuk perkembangan kehidupan. Ia melaksanakan peranan ini dengan membenarkan sebatian organik bertindak balas dengan cara yang akhirnya membolehkan replikasi. Semua bentuk hidup yang diketahui bergantung kepada air. Ini membuktikan bahawa sumber air yang bersih amat penting untuk tubuh badan manusia berfungsi selain air minuman yang disuling mencegah dehidrasi serta penting untuk diet berkhasiat (Wagener et al., 2010). Tubuh badan

yang sihat serta cergas pasti membolehkan pelajar berfikir dengan lebih progresif waima menjadi pemangkin kepada pelajar untuk sentiasa dalam keadaan emosi yang baik, riang sekaligus membolehkan pelajar fokus dalam akademik. Oleh demikian, jelas membuktikan bahawa modal insan ini secara adalah merujuk kepada aspek nilai, dan ia adalah sesuatu perkara yang amat dititikberatkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia di dalam menuju ke arah pembentukan negara yang maju dari aspek fizikal dan pembentukan akhlak mulia.

Umumnya, Kolej Komuniti Paya Besar menerima sumber bekalan air daripada rumah pam menerusi paip utama daripada PAIP Pahang. Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) secara rasminya telah di tubuhkan pada 1 Februari 2012 melalui pengkorporatan Jabatan Bekalan Air Pahang (JBAP) dan merupakan anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Pahang. Dengan pengkorporatan JBAP, Kerajaan Negeri dengan secara rasminya menyerahkan urusan operasi merawat, membekal, membersihkan dan memungut hasil air daripada penjualan air bersih yang selama ini dikendalikan oleh JBAP kepada PAIP. PAIP telah dilesenkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai operator bekalan air untuk Negeri Pahang selaras dengan peruntukan Akta 655 (Akta Industri Perkhidmatan Air 2006). Dengan itu, PAIP berfungsi memberi perkhidmatan bekalan air bersih yang memuaskan dari segi kuantiti dan kualiti kepada pengguna dengan cara yang paling berekonomi untuk memenuhi keperluan pembangunan sosial dan ekonomi Negeri Pahang Darul Makmur.

Kecerdasan emosi bukan isu biasa untuk kejayaan kerjaya, tetapi penting untuk bidang pendidikan (Abas, 2014). Menurut (Uhlenbrook & de Jong, 2012) penekanan yang konsisten dalam pengurusan sumber menyokong pendidikan berterusan bagi menjamin kehidupan yang sempurna tambahan memperkembangkan kemahiran manusia selain meneguhkan ilmu pengetahuan dan kemahiran generik, emosi dan sahsiah manusia. Berdasarkan teori oleh Goleman, kecerdasan emosi mempunyai empat komponen yaitu kesadaran diri, manajemen emosional, motivasi diri dan kemahiran interpersonal (Goleman, Boyatzis, & Mckee, 2002). Kesedaran diri dalam kecerdasan emosi adalah apabila individu mempunyai bakat untuk memahami sementara pengurusan emosional dapat mengendalikan perasaan individu. Emosi telah diakui untuk memainkan peranan penting dalam pembelajaran. Selain itu, peneguhan terhadap emosi bersaling kait dengan persekitaran yang baik serta sokongan berterusan daripada pengurusan institut pengajian tinggi. Kenyataan ini disokong oleh Minhat (2015) yang mengakui kualiti pelajar yang menjamin kecerdasan emosi diperkukuhkan lagi dengan sahsiah pelajar yang berintegriti namun begitu kemudahan asas yang menjadi tulang belakang malahan pemangkin kepada aspek kecemerlangan pelajar mestilah lengkap, konsisten dan stabil bagi melonjakkan potensi pelajar. Ini kerana kemudahan asas yang disediakan percuma kepada pelajar terutamanya sumber air hendaklah sentiasa efisien agar perkembangan pelajar tidak terganggu. Justeru itu, pengurusan berkaitan dengan pembangunan dan kemudahan kepada pelajar di peringkat tertiarinya seharusnya teratur dan berkesan supaya dapat memberikan keselesaan serta kepuasan yang optimum kepada pelajar. Kecerdasan emosi tidak hanya tertumpu kepada hubungkaitnya dengan pencapaian akademik semata-mata tetapi mestilah dikaji secara menyeluruh juga terhadap pengurusan persekitaran yang lebih lestari terutamanya pemberian kemudahan sumber yang perlu sentiasa ditambah baik untuk kepentingan semua pihak.

Walaupun terdapat banyak kajian tentang hubungan antara kecerdasan emosi dan pencapaian akademik, masih terdapat kajian terhadap yang dilakukan pada pelajar berkaitan hubungan antara kecerdasan emosi dengan faktor persekitaran seperti bekalan air. (Saloma Emang et al, 2014). Selaras dengan pengurusan infrastruktur yang menyelaraskan bekalan air, elektrik dan

sebagainya di Kolej Komuniti Paya Besar, namun belum ada satu tinjauan atau kajian yang dilakukan terhadap pengaruh bekalan sumber air terhadap emosi dan sahsiah pelajar dan satu analisis perlu dilakukan bagi mengenalpasti adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penyediaan perkhidmatan dan kemudahan air di Kolej Komuniti Paya Besar mempengaruhi dan memberi impak kepada emosi dan sahsiah pelajar.

Oleh yang demikian, kajian ini melihat pengaruh bekalan air terhadap emosi dan sahsiah pelajar bagi mengukur tahap elemen nilai emosi dan sahsiah pelajar dan persekitaran yang menyediakan bekalan air kepada mereka, iaitu dari segi mengenalpasti tahap pengaruh bekalan air kepada emosi dan sahsiah pelajar Kolej Komuniti Paya Besar dan mengenalpasti hubungan yang signifikan antara penyediaan perkhidmatan dan kemudahan bekalan air di Kolej Komuniti Paya Besar dan emosi dan sahsiah pelajar.

3. Metodologi Kajian

Pengkaji telah memilih kaedah kuantitatif yang pada akhirnya akan melibatkan analisis data secara statistik. Kaedah ini bagi memudahkan pengkaji mendapat maklumat berkaitan setiap dimensi pengaruh bekalan air terhadap emosi dan sahsiah pelajar sepanjang melanjutkan pengajian di Kolej Komuniti Paya Besar. Soal selidik digunakan sebagai instrumen bagi kajian ini dan telah diadaptasikan daripada kajian terdahulu.

3.1 Soal Selidik Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi maklumat umum responden manakala Bahagian B ialah soalan-soalan yang terdiri daripada soalan yang mengkaji pengaruh terhadap pelajar. Kesemua item soalan dijawab mengikut skala Likert 5 mata (dari 1= sangat tidak bersetuju, hingga 5 = sangat bersetuju). Bahagian B sehingga Bahagian G merupakan soalan kaji selidik yang dianalisis untuk mendapatkan min dan sisihan piawai. Persoalan kajian kedua dianalisis menggunakan Korelasi jenis *Pearson* bagi mengetahui hubungan yang signifikan. Korelasi jenis *Pearson* ini akan mengkaji dua hubungan bagi nilai hipotesis seperti di bawah:

Ha: Terdapat hubungan yang signifikan penyediaan perkhidmatan dan kemudahan bekalan air kolej dengan emosi dan sahsiah pelajar.

Ho: Tiada terdapat hubungan yang signifikan penyediaan perkhidmatan dan kemudahan bekalan air kolej dengan emosi dan sahsiah pelajar.

Jadual 1 menunjukkan soalan-soalan dan item yang ditanya kepada para pelajar Kolej Komuniti Paya Besar mengenai bekalan air yang mempengaruhi emosi dan sahsiah pelajar.

Jadual 1: Soalan soal selidik yang digunakan untuk mengukur dan mengkaji mengenai bekalan air mempengaruhi emosi dan sahsiah pelajar.

<i>Bekalan Air Mempengaruhi Emosi dan Sahsiah Pelajar</i>	
1	Emosi diri masih boleh dikawal apabila dimaklumkan bahawa bekalan air di kolej terjejas di setiap blok bangunan. (Bahagian B)

- 2 Paip yang tidak mengeluarkan air dan didapati tiada air dibiarkan ketat dan tertutup agar bekalan air tidak melimpah sekiranya bekalan air kembali normal seperti sedia ada. (Bahagian C)
- 3 Mengajak rakan-rakan menjaga kebersihan tandas kolej sama ada bekalan air kolej mencukupi atau tidak. (Bahagian D)
- 4 Mengisi borang aduan pelanggan yang disediakan oleh pihak kolej dengan maklumat yang betul dan bersesuaian. (Bahagian E)
- 5 Mengajak rakan – rakan lain agar tidak melakukan vandalisme kepada kemudahan bekalan air dengan merosakkan kepala paip di sinki atau di tandas setelah mendapati bekalan air tiada di kolej. (Bahagian F)
- 6 Masalah bekalan air terjejas diatasi oleh pihak unit pembangunan kolej dalam tempoh singkat sehingga tidak berlarutan. (Bahagian G)

3.2 Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri dari 152 orang pelajar Kolej Komuniti Paya Besar dalam pengkhususan bidang pengajian seperti Sijil Teknologi Elektrik (SKE), Sijil Multimedia (Kreatif) Pengiklanan dan Sijil Teknologi Maklumat (STM). 'Pilot test' dijalankan untuk melihat kebolehppercayaan yang tinggi dan menguji kesesuaian instrumen kajian yang digunakan. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengambil seramai 16 orang pelajar Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian (SSK) di Kolej Komuniti Cawangan Maran untuk menjawab ujian pengaruh bekalan air terhadap emosi dan sahsiah pelajar di Kolej Komuniti Paya Besar.

4. Dapatan Kajian

Bagi menginterpretasi data kajian yang menggunakan skor min bagi setiap elemen nilai, pengkaji menggunakan Jadual 2 yang menjadi indikator bagi setiap nilai skor min purata.

Jadual 2: Penafsiran Skor Min

Julat Skor Min	Aras Persetujuan	Penafsiran Min
1.00 – 2.40	Tidak Bersetuju	Rendah
2.41 – 3.80	Sederhana Setuju	Sederhana
3.81 – 5.00	Setuju	Tinggi

Diadaptasi daripada Mohd Ridhuan (2007)

Jadual 3 hingga Jadual 8 menunjukkan analisis min bagi beberapa soalan bagi soal selidik yang telah diisi dan diedarkan kepada pelajar Kolej Komuniti Paya Besar berdasarkan bahagian soalan yang ingin diukur dan dianalisis. Jadual 9 pula membincangkan keputusan Korelasi jenis *Pearson* yang diperolehi daripada hubungan antara penyediaan perkhidmatan dan kemudahan bekalan air di Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB) dengan emosi dan sahsiah pelajar.

Jadual 3:Kesedaran Diri dan Memahami Emosi Diri Pelajar

No.	Kesedaran diri dan memahami emosi diri pelajar	Skor Min	Sisihan Piawai	Penafsiran Tahap
1	Emosi diri masih boleh dikawal apabila dimaklukan bahawa bekalan air di kolej terjejas di setiap blok bangunan.	3.24	1.093	Sederhana
2	Bekalan air yang terputus dan terganggu semasa menghadiri proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) tidak menjejaskan tumpuan dan fokus untuk mempelajari semua penilaian PdP.	3.31	1.172	Sederhana
3	Bekalan air telah pulih dan kembali sedia ada membolehkan saya ceria dan masih meneruskan tumpuan di dalam bengkel/makmal/kelas ketika proses PdP berlangsung.	4.25	0.948	Tinggi
4	Mampu menyakinkan diri sendiri supaya tetap bersikap positif ketika diberitahu bekalan air tiba-tiba tiada di kolej.	3.81	0.870	Tinggi

Jadual 4:Peraturan Diri dan Menguruskan Emosi Diri Pelajar

No.	Peraturan diri dan menguruskan emosi diri pelajar	Skor Min	Sisihan Piawai	Penafsiran Tahap
1	Berasa segar dan masih bertenaga sepanjang menghadapi proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) walaupun bekalan air tidak dipulihkan dalam masa terdekat.	3.31	1.036	Sederhana
2	Berfikir kreatif dengan membawa peralatan seumpama lebih botol untuk menadah sumber air di kolej dan digunakan sekiranya terdesak bagi melakukan buangan sanitasi diri seperti membuang air kecil tanpa mengharap semata-mata kepada takungan baldi besar kolej.	3.58	0.958	Sederhana
3	Paip yang tidak mengeluarkan air dan didapati tiada air dibiarkan ketat dan tertutup agar bekalan air tidak melimpah sekiranya bekalan air kembali normal seperti sedia ada.	4.06	0.884	Tinggi
4	Memastikan kawasan tandas yang tiada bekalan air masih dalam keadaan bersih dan tidak kotor.	4.06	0.878	Tinggi

Jadual 5: Motivasi Diri dan Cara Memotivasikan Diri Pelajar

No.	Motivasi diri dan cara memotivasikan diri pelajar	Skor Min	Sisihan Piawai	Penafsiran Tahap
1	Bersikap optimis dan berasa pasrah menghadapi rintangan kekurangan bekalan air di kolej yang kerap berlaku.	3.40	0.906	Sederhana
2	Bersedia dan tidak mengelabah apabila dimaklumkan lambat dengan bekalan air yang terjejas dan mampu menjaga kebersihan diri dalam keadaan yang darurat tanpa air.	3.62	0.964	Sederhana
3	Mengajak rakan-rakan menjaga kebersihan tandas kolej sama ada bekalan air kolej mencukupi atau tidak.	3.87	0.938	Tinggi
4	Mengetahui bahawa penapis air semasa bekalan air stabil adalah bersih, ditapis dan disuling dan berada di setiap lokasi blok bangunan kolej yang mudah diakses dan dilihat.	3.86	0.891	Tinggi

Jadual 6: Kemahiran Sosial Pelajar

No.	Kemahiran sosial pelajar	Skor Min	Sisihan Piawai	Penafsiran Tahap
1	Berbicara dengan hujah yang tepat dan maklumat yang betul berkaitan masalah bekalan air dengan rakan – rakan lain tanpa mengeksploitasi maklumat sebenar.	3.76	0.807	Sederhana
2	Faham bahawa sebarang masalah yang berlaku di kolej terutama dengan kelemahan menyelesaikan masalah bekalan air tidak boleh sewenang – wengangnya dipaparkan di media massa.	3.83	0.922	Tinggi
3	Meminta bantuan rakan – rakan lain yang menggunakan kemudahan bekalan air dengan baik.	3.95	0.847	Tinggi
4	Mengisi borang aduan pelanggan yang disediakan oleh pihak kolej dengan maklumat yang betul dan bersesuaian.	3.96	0.875	Tinggi

Jadual 7: Sahsiah Pelajar

No.	Sahsiah pelajar	Skor Min	Sisihan Piawai	Penafsiran Tahap
1	Pembaziran air yang berlebihan selepas membasuh tangan dan mencuci selepas menggunakan tandas tidak dilaksanakan dan tidak dibuat bagi memastikan rakan – rakan lain boleh menggunakan sama.	3.80	0.935	Tinggi
2	Mengajak rakan – rakan lain agar tidak melakukan vandalisme kepada kemudahan bekalan air dengan merosakkan kepala paip di sinki atau di tandas setelah mendapati bekalan air tiada di kolej.	4.20	0.967	Tinggi
3	Memastikan kawasan sekeliling sinki dan tandas dicuci bersih setelah digunakan apabila bekalan air ada dan stabil.	4.16	0.866	Tinggi
4	Sabun basuh tangan yang disediakan untuk kegunaan membersihkan diri dengan air digunakan sebaik mungkin dan tidak membazir.	4.23	0.903	Tinggi

Jadual 8 :Penyediaan perkhidmatan dan kemudahan air

No.	Penyediaan perkhidmatan dan kemudahan air	Skor Min	Sisihan Piawai	Penafsiran Tahap
1	Setiap tandas disediakan dengan paip yang sempurna dan baldi termasuk gayung yang mencukupi.	3.67	1.127	Sederhana
2	Aliran air di setiap tandas didapati sentiasa besar, banyak dan tidak tersumbat.	3.71	1.094	Sederhana
3	Masalah bekalan air terjejas diatasi oleh pihak unit pembangunan kolej dalam tempoh singkat sehingga tidak berlarutan.	3.80	0.873	Tinggi
4	Sumber air yang dibekalkan ke setiap blok bangunan merupakan air terawat dengan klorin di rumah pam kolej.	3.80	0.840	Tinggi

Berdasarkan Jadual 9, keputusan ujian Korelasi jenis *Pearson* bagi melihat hubungan yang signifikan antara kedua-dua variable iaitu antara penyediaan perkhidmatan dan kemudahan bekalan air di Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB) dengan emosi dan sahsiah pelajar. Daripada dapatan yang diperolehi oleh penyelidik, [$r = 0.000$, $p > 0.629$] bagi pembolehubah emosi dan sahsiah pelajar dan kekuatan hubungan ini adalah di tahap yang agak tinggi. Keputusan ujian Korelasi jenis *Pearson* yang diperolehi mendapati nilai varians menunjukkan 62.9% daripada emosi dan sahsiah pelajar terhadap perkhidmatan bekalan air disebabkan oleh sumber-sumber lain yang menyumbang kepada peningkatan emosi dan sahsiah mereka. Penerangan daripada keputusan ini membuktikan nilai varians boleh digunakan sebagai petunjuk pengaruh faktor (X) iaitu penyediaan perkhidmatan dan kemudahan bekalan air kolej yang menyebabkan perubahan dalam kesan (Y) iaitu emosi dan sahsiah pelajar. Walau bagaimanapun, dalam kes ini, 37.1% faktor lain tidak dapat dikesan. Peratusan ini mungkin disebabkan oleh sikap interpersonal pelajar, pengaruh ibu bapa, kebolehan pelajar membina pengetahuan sendiri melalui pembacaan dan pemerhatian daripada media massa dan faktor lain yang tidak ditunjukkan serta tidak dikaji dalam perhubungan ini.

Secara keseluruhannya, terdapat hubungan yang signifikan bagi penyediaan perkhidmatan dan kemudahan bekalan air di Kolej Komuniti Paya Besar dengan emosi dan sahsiah pelajar pada aras signifikan yang tinggi 0.000 dengan pekali korelasi yang 0.629.

Jadual 9 : Korelasi jenis Pearson antara Penyediaan Perkhidmatan dan Kemudahan Bekalan Air di Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB) dengan emosi dan sahsiah pelajar.

Keputusan Korelasi	Jumlah Soalan B - F	Jumlah Soalan G
Jumlah B – F Korelasi <i>Pearson</i>	1	0.629
Hubungan (2 hala)		0.000
Jumlah G Korelasi <i>Pearson</i>	0.629	1
Hubungan (2 hala)	0.000	

5. Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, responden yang menjawab empat elemen dalam kecerdasan emosi menunjukkan rata-rata pelajar boleh menyesuaikan diri dalam keadaan yang darurat apabila bekalan air dan perkhidmatan menyalurkan sumber air ke setiap lokasi bangunan kolej terjejas. Namun begitu, kepuasan pelajar perlu diambil kira bagi membolehkan pelajar belajar dalam keadaan selesa bagi menjamin kualiti Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) pelajar yang majoritinya disokong dengan persekitaran yang kondusif. Tinjauan oleh Grace A. Fayombo (2012) mengatakan bahawa kecerdasan emosi pelajar termasuklah sahsiah pelajar berhubung rapat dengan persekitaran yang baik dan selamat selain mampu melonjakkan pencapaian akademik pelajar.

Lebih dari sejak beberapa dekad kebelakangan ini, kajian berkaitan kesan efisien perkhidmatan sumber alam seperti bekalan air sering kali dibuat penambahbaikan agar aspek kehidupan seperti kelangsungan hidup dalam meneruskan pendidikan, kesihatan dan industri berjalan lancar dan tidak menggugat kesinambungan fizikal, emosi dan sahsiah pelajar amnya (Mohamed et. al, 2018).

6. Kesimpulan dan Cadangan

Hasil kajian yang telah dilaksanakan dapat dirumuskan bahawa sebahagian besar pelajar tidak dipengaruhi dengan masalah bekalan air yang kadang-kadang meruncing di Kolej Komuniti Paya Besar. Emosi dan sahsiah pelajar masih berada dalam keadaan yang baik dan terkawal kerana tindakan pantas kolej menangani masalah air yang berlaku di kolej. Pelajar kolej yang beretika dan berintegriti sentiasa berfikiran positif apabila diuji dengan masalah seumpama ini yang pasti walaupun membebankan mereka namun pelajar boleh bertahan dalam ujian ketiadaan bekalan air. Namun begitu, pelajar seharusnya diberikan kemudahan yang efisien dan berterusan selaras melahirkan modal insan kelas pertama seperti yang disarankan oleh negara.

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat beberapa pendekatan yang dicadangkan bagi memantapkan lagi institusi kolej komuniti. Pertama, skop kajian dalam kajian ini difokuskan

kepada KKPB sahaja. Oleh itu, disarankan kepada yang berminat menjalankan kajian yang berkaitan agar kajian yang sama dilaksanakan di institusi pendidikan seperti di kolej komuniti yang lain. Kedua, disarankan kajian ini yang berkaitan bekalan air mempengaruhi emosi dan sahsiah dilanjutkan terhadap pensyarah dan kakitangan KKPB pula agar kajian ini dapat diperluaskan dan impaknya terhadap emosi dan sahsiah pensyarah pula ini dinilai dengan baik. Ketiga, data dan maklumat kajian ini amat penting dalam memberi input kepada KKPB sebagai maklum balas penting bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan air dikaji dengan teliti dan diperbaiki dari masa ke semasa agar setiap pelajar mendapat keselesaan yang baik semasa melanjutkan pengajian serta proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) berjalan lancar dan sempurna.

Rujukan

Abas, M. A. 2014. *Persespsi komuniti peniaga di kejiranan Universiti Sains Malaysia, USM terhadap amalan kitar semula sisa pepejal*. http://www.academia.edu/6603004/Persepsi_Komuniti_Peniaga_di_Kejiranan_Universiti_Sains_Malaysia_USM_Terhadap_Amalan_Kitar_Semula_Sisa_Pepejal

Akta 654. Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006. Undang-undang Malaysia. <https://www.span.gov.my/document/upload/74dmiLwYkuNRYBvxov9T8I0Oows98had.pdf>

Garce A. Fayombo. 2012. Emotional Intelligence as Predictors of Academic Achievement among Some University Students in Barbados. *International Journal of Higher Education*, vol. 1.

Goleman, D. 1995. Emotional intelligence. New York: Bantan Books.

Goleman, D., Boyatzis, R.E., McKee, A. (2002), *Primal Leadership: Realizing the Power of Emotional Intelligence*, Harvard Business School Press, Boston. MA.

Mahir Razali, A., Mohd Ali, k.a., Ab Hamid, M.R. & Mustafa, Z. 2014. Kesihatan dan kualiti hidup masyarakat. Universiti Malaysia Pahang.

Minhat N. 2015. Kepuasan Pelajar terhadap kemudahan yang disediakan di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Dicapai pada 5 Februari 2020. Dari http://www.ptss.edu.my/v6/index.php?option=com_docman&task=doc_download&gid=364&Itemid=185

Mohamed A. Hamed, Samy S. Abu-Naser, Khaldoun S. Abualhin. 2018. *Intelligent Tutoring System Effectiveness for Water Knowledge and Awareness*. *G International Journal of Academic Information Systems Research (IJ AIS)*. ISSN: 2000-002X Vol. 2 Issue 4, April – 2018, Pages: 18-34.

Mohamed Ali, S., Rostam, K. & Awang. 2014. Ciri-ciri senibina landskap sekolah di Lembah Klang-Langat 1. *GEOGAFIA Online tm Malaysian Journal of Society and Spce* 10 Issue 1 (118 – 129) 118 (c) 2014, ISSN 2180-2491.

Mohd Ridhuan Mohd Jamil. 2007. *Rekabentuk Kerangka Piawaian Transnasional Bagi program Tenaga Pengajar TVET*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Ohaka, A. R., Ozorl, P. E. And Ohaka, C. C. 2013. Household waste disposal practices in Owerri municipal council of Imo State Nigerian. *Journal of Agriculture, Food and Enviroment*, 9(2), 32-36.

Pau AKH, Croucher R, Sohanpal R, Muirhead V & Seymour K. 2004. Emotional Intelligence and Stress Coping in Dental Undergraduates – a Qualitative Study. *British Dental Journal*, 205 -209.

Saloma Emang, Noor Haty Nor Azam, Gladys S. E., Muhammad O., Nur Diyana R. 2014. The Relationship Between Emotional Intelligence And Academic Achievement: A Study On Government Transformation Programme (GTP) At Secondary Schools In Rural Areas, Ulu Baram Sarawak. *The 2014 WEI International Academic Conference Proceedings. Bali Indonesia*. The West East Institute. 107 – 111.

Shafii, H., Seow Ta Wee & Azlina Mat Yassin. 2013. Kolej Kediaman Lestari (KKL) di Malaysia: kajian awalan terhadap kesesuaian konsep. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Slaper, T.F & Hall, T.J. 2011. *The triple bottom line: what is it and how does it work?* *Economic Research Anaylst, Indiana Business Research Center, Indiana University Kelly School of Business*. <http://www.ibrc.indiana.edu/ibr/2011/spring/article2.html>

Uhlenbrook, S. And de Jong, E. 2012. *T-shaped competency profile for water professionals of the future*, *Hydrol. Earth Syst. Sci. Discuss.*, 9, 2935-2957, doi:10.5194/hessd-9-2935-2012.

Wagener, T., Sivapalan, M., Troch, P. A., Mc Glynn, B. L., Harman, C. J., Gupta, H. V., Kumar, P., Rao, P. S. C., Basu, N. B., and Wilson, J. S. 2010: The future of hydrology: An evolving science for changing world, *Water Resour. Res.*, 46, doi:10.1029/2009WR0088906.